

AMANAH DALAM PEKERJAAN

الْحَمْدُ لِلَّهِ نَحْمَدُهُ وَنَسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ. وَنَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ شُرُورِ أَنْفُسِنَا وَمِنْ سَيِّئَاتِ أَعْمَالِنَا. مَنْ يَهْدِهِ
اللَّهُ فَلَا مُضِلَّ لَهُ وَمَنْ يَضِلَّ فَلَا هَادِيَ لَهُ.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُكُمْ أَنْ تُؤَدُّوا الْأَمَانَاتِ إِلَىٰ أَهْلِهَا وَإِذَا حَكَمْتُمْ بَيْنَ النَّاسِ أَنْ تَحْكُمُوا بِالْعَدْلِ إِنَّ اللَّهَ نِعِمَّا يَعِظُكُمْ بِهِ إِنَّ اللَّهَ

كَانَ سَمِيعًا بَصِيرًا ﴿٥٨﴾

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ
وَبَارِكْ عَلَىٰ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.
أَمَّا بَعْدُ،

فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، وَأَوْصِيكُمْ وَنَفْسِي بِتَقْوَى اللَّهِ وَطَاعَتِهِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ.

Marilah kita bersama-sama bertaqwa kepada Allah Subhanahu Wa Taaala dengan sebenar-benar taqwa, iaitu dengan melaksanakan segala perintah dan seruan-Nya serta meninggalkan segala larangan-Nya kerana dengan taqwa sahajalah kita akan mendapat reda Allah di dunia dan akhirat.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu Wa Taaala

Sifat amanah boleh ditafsirkan sebagai jujur, teliti dan boleh dipercayai. Amanah juga boleh diertikan dengan makna melaksanakan sesuatu tugas yang telah dipertanggungjawabkan dengan sebaik-baiknya tanpa mencuaikannya. Salah satu amanah yang paling besar bagi manusia ialah amanah pekerjaan.

Agama Islam menuntut umatnya supaya bekerja dengan bersungguh-sungguh untuk mencari rezeki yang halal lagi bersih demi kesejahteraan diri, keluarga dan masyarakat. Islam melarang keras umatnya daripada sikap tidak bertanggungjawab, malas bekerja, menipu atau tidak amanah dalam melaksanakan kerjanya. Ini kerana amanah kerjaya akan dipersoalkan semula di akhirat nanti. Firman Allah Subhanahu Wa Taaala dalam surah al-Taubah ayat 105:

وَقُلْ أَعْمَلُوا فَسَيَرَى اللَّهُ عَمَلَكُمْ وَرَسُولُهُ وَالْمُؤْمِنُونَ وَسَتُرَدُّونَ إِلَىٰ عَالِمِ الْغَيْبِ وَالشَّهَادَةِ فَيُنَبِّئُكُمْ بِمَا كُنْتُمْ تَعْمَلُونَ ﴿١٠٥﴾

Yang bermaksud: *Katakanlah (wahai Muhammad): "Beramallah kamu (akan segala yang diperintahkan), maka Allah dan Rasul-Nya serta orang yang beriman akan melihat apa yang kamu kerjakan; dan kamu akan dikembalikan kepada (Allah) Yang Mengetahui perkara-perkara yang ghaib dan yang nyata, kemudian Dia memberitahu kepada kamu apa yang telah kamu kerjakan."*

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu Wa Taala

Kewajipan melaksanakan amanah ini diperingatkan oleh Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam melalui sabdanya yang diriwayatkan oleh Imam al-Bukhari dan Muslim:

...أَلَا كَلُّكُمْ رَاعٍ وَكُلُّكُمْ مَسْئُولٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ...

Yang bermaksud: *"Ketahuilah bahawa kamu semua adalah pemimpin dan kamu semua akan bertanggungjawab terhadap yang dipimpinnya...."*

Hadis ini menjelaskan bahawa sifat amanah adalah perkara penting dalam menentukan masa depan sesebuah keluarga, masyarakat dan negara. Apa yang kita perhatikan hari ini, dalam media menunjukkan bahawa seolah-olah isu pecah amanah ini berlaku kepada setiap lapisan masyarakat. Sebagai contoh kita dapati projek-projek sama ada kecil atau besar selalu berlaku kegagalan disebabkan orang yang mendapat projek tersebut terbukti tiada kewibawaan untuk melaksanakan projek tersebut. Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam melalui sabdanya dalam hadis yang diriwayatkan oleh Imam al-Bukhari:

...إِذَا ضَيِّعَتِ الْأَمَانَةُ فَانْتَظِرِ السَّاعَةَ قَالَ كَيْفَ إِضَاعَتُهَا يَا رَسُولَ اللَّهِ قَالَ إِذَا أُسْنِدَ الْأَمْرُ إِلَى غَيْرِ أَهْلِهِ فَانْتَظِرِ السَّاعَةَ

Yang bermaksud: “...Jika suatu amanah disia-siakan, maka tunggulah saat kehancurannya.” Baginda ditanya, bagaimanakah mensia-siakan amanah itu? Baginda menjawab, “Jika suatu pekerjaan diserahkan kepada orang yang bukan ahlinya, maka tunggulah saat kehancurannya.”

Kesimpulan daripada hadis yang dibacakan tadi ,maka hendaklah kita fahami bersama-sama bahawa memberikan jawatan kepada orang yang tidak berkelayakan sama ada dari segi akhlak mahupun akademik boleh disifatkan sebagai satu perbuatan khianat. Kesilapan atau kecuaiian dalam menyerahkan sesuatu amanah itu boleh menyebabkan kehancuran bukan sahaja kepada sesebuah organisasi bahkan ia turut melibatkan bahaya kepada masyarakat dan negara.

Perkara yang boleh dijadikan pengajaran daripada hadis tersebut tadi maka berlakulah gejala negatif seperti lewat-lewatkan keputusan, salah guna kuasa

dan terlibat dalam rasuah serta mengambil kesempatan untuk mengaut keuntungan peribadi daripada jawatan yang disandang.

Oleh itu, marilah kita bersama-sama bermuhasabah diri menilai kembali komitmen kita selama ini dalam kerjaya masing-masing. Kita mestilah melaksanakan kerja kita dengan penuh tanggungjawab dan sempurna, mestilah menyelesaikan sesuatu tugas dengan sebaik mungkin dan dalam masa yang sama kita wajib menjauhkan diri daripada melakukan sebarang penipuan, pemalsuan, penyelewengan dan untuk mendapatkan kemewahan sesuatu yang bukan haknya.

Yakinlah bahawa orang yang bekerja dengan penuh amanah dan keimanan pasti akan dilimpahi dengan kemewahan dan keberkatan sebagaimana janji Allah Subhanahu Wa Taaala dalam surah al-Nahl ayat 97:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

مَنْ عَمِلَ صَالِحًا مِّنْ ذَكَرٍ أَوْ أُنْثَىٰ وَهُوَ مُؤْمِنٌ فَلَنُحْيِيَنَّهٗ حَيٰوةً طَيِّبَةً وَلَنَجْزِيَنَّهُمْ أَجْرَهُم

بِأَحْسَنِ مَا كَانُوا يَعْمَلُونَ ﴿٩٧﴾

Yang bermaksud: “Sesiapa yang beramal soleh, daripada lelaki atau wanita, sedangkan dia beriman, maka sesungguhnya Kami akan menghidupkannya dengan kehidupan yang baik dan sesungguhnya Kami akan membalas mereka dengan memberikan pahala yang lebih baik daripada apa yang mereka telah kerjakan”.

لَبَّكَ اللَّهُ لِيْ وَلَكُمْ فِي الْقُرْءَانِ الْعَظِيْمِ، وَتَفَعَّلِيْ وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيْهِ مِنَ الْآيَاتِ
وَالذِّكْرِ الْحَكِيْمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّيْ وَمِنْكُمْ تِلَاوَتُهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيْمُ. أَقُولُ قَوْلِي

هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِيْ وَلِكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ
وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.